

BANK ISLAM LANCAR AKAUN EMAS BAHARU

*Menawarkan orang ramai peluang terlibat dalam pasaran logam berharga,
menggalakkan penciptaan dan pengumpulan kekayaan*

KUALA LUMPUR, Isnin, [28 Oktober 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memperkenalkan satu lagi produk patuh Syariah terkini di pasaran iaitu Akaun Emas-i Bank Islam (BIGA-i). Penawaran inovatif ini memperkasakan pelanggan untuk mempelbagaikan aset kewangan mereka dengan menambah emas dalam portfolio atau memanfaatkannya sebagai penyelesaian simpanan yang fleksibel.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Perbankan Runcit, Mizan Masram berkata, “BIGA-i merupakan satu produk emas patuh Syariah yang bertujuan untuk menggalakkan penciptaan, pengumpulan dan pemindahan kekayaan dalam kalangan pelanggan.

“Akaun ini bersifat mesra pemula untuk mereka yang baharu atau kurang berpengalaman dalam pasaran logam berharga. Ia hanya memerlukan pembelian awal dan seterusnya yang bernilai minimum RM10 atau kesetaraan gram berdasarkan harga emas semasa transaksi, menjadikannya sesuai untuk mereka yang mempunyai pengalaman terhad dalam pasaran.”

“Sebagai sebuah Bank yang komited dalam mendahulukan kemakmuran untuk semua, kami memperkenalkan satu lagi pilihan pelaburan tambahan yang menawarkan cara lebih mudah, selamat dan mampu milik untuk membeli dan melabur dalam emas. Disokong oleh emas fizikal dengan ketulenan 99.9% yang diiktiraf oleh Persatuan Pasaran Jongkong London (LBMA), pelanggan boleh menikmati manfaat pelaburan emas tanpa perlu menyimpannya secara fizikal,” tambah Mizan.

Pembukaan akaun, pembelian dan penjualan emas, pemindahan akaun ke akaun, dan penukaran emas untuk BIGA-i kini tersedia di kesemua 135 cawangan Bank Islam di seluruh negara.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.